


**D.R. 32/99**



**RANG UNDANG-UNDANG**

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Jualan 1972.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

**Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Cukai Jualan (Pindaan) 1999.
- (2) Akta ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2000.

**Tafsiran**

2. Bagi maksud Akta ini, "tarikh yang ditetapkan" ertinya 1 Januari 2000.

**Pindaan seksyen 2**

3. Akta Cukai Jualan 1972 [Akta 64], yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 2—
  - (a) dengan menggantikan takrif "pengilangan" dengan takrif yang berikut:

' "pengilangan" ertinya—

- (a) berhubung dengan barang-barang selain petroleum, kerja mengubah jadi dengan cara manual atau jentera bahan-bahan organik atau bukan organik kepada suatu keluaran baharu dengan mengubah saiz, bentuk atau jenis bahan-bahan itu dan termasuklah kerja memasang bahagian-bahagian hingga menjadi suatu jentera atau keluaran lain, tetapi tidak termasuk kerja memasang jentera atau alat kelengkapan bagi maksud pembinaan; dan
- (b) berhubung dengan petroleum, menapis atau mensebatikan dan termasuklah menambahkan apa-apa bahan asing;'; dan

(b) dengan memasukkan selepas takrif "pertukaran data elektronik" takrif yang berikut:

"petroleum" hendaklah mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 2(1) Akta Kastam 1967;'.

#### Fenggantian seksyen 16

4. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 16 dengan seksyen yang berikut:

"peng-  
hitungan  
cukai yang  
kena  
dibayar.

16. Tertakluk kepada Akta ini, cukai jualan hendaklah dilevi—
- (a) atas nilai jualan mengikut kadar yang berkuat kuasa pada masa cukai jualan itu kena dibayar; atau
  - (b) atas kuantiti barang-barang yang dijual, digunakan atau dilepaskan, atau yang diimport, mengikut kadar yang berkuat kuasa pada masa cukai jualan itu kena dibayar."

**Pindaan seksyen 17**

5. Subseksyen 17(1) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "dijual" perkataan "dan juga kuantiti barang-barang yang dijual".

**Pindaan seksyen 69**

6. Subseksyen 69(1) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "pengilang berlesen" perkataan "atau pengimport".

**Pindaan seksyen 70**

7. Subseksyen 70(1) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "pengilang berlesen" di mana-mana jua terdapat perkataan "atau pengimport".

**Bahagian baru XVIII**

8. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas Bahagian XVII Bahagian yang berikut:

“BAHAGIAN XVIII

**PERUNTUKAN KHAS BERKENAAN DENGAN PETROLEUM**

Peruntukan tertentu Akta terpakai. 91. Tertakluk kepada seksyen 92 hingga 95, Akta ini hendaklah terpakai bagi petroleum.

Mengubah tempoh cukai terhutang dan kena dibayar dan tempoh cukai. 92. Walau apa pun yang berlawanan yang terkandung dalam Akta ini, Menteri boleh melalui perintah, membuat mana-mana atau semua yang berikut:

(a) menentukan tempoh yang berlainan bagi cukai jualan yang terhutang dan kena dibayar berkenaan dengan petroleum;

(b) menentukan tempoh cukai yang berlainan berkenaan dengan petroleum; dan

- (c) menentukan syarat-syarat yang hendaklah dipatuhi bagi kuat kuasa tempoh cukai jualan terhutang dan kena dibayar yang berlainan dan juga tempoh cukai yang berlainan.

Penyerahan petroleum tertakluk kepada kawalan kastam sebelum pembayaran cukai jualan.

93. Walau apa pun seksyen 25, mana-mana orang boleh menerima penyerahan daripada kawalan Kastam petroleum kena cukai yang diimport sama ada atau tidak mana-mana bahagian atau kesemua cukai jualan atas barang-barang itu telah dibayar.

Tiada ambilan balik.

94. Seksyen 29 tidak terpakai bagi petroleum.

Bahagian XIV dan XVII tidak mempunyai kuat kuasa.

95. Bagi maksud petroleum, Labuan dan Langkawi hendaklah dianggap sebagai sebahagian daripada Malaysia dan Bahagian I hingga XVIII hendaklah terpakai berkenaan dengan petroleum yang dikilang di atau diimport ke dalam atau dieksport dari atau diangkut ke atau dari Labuan atau Langkawi seolah-olah Bahagian XIV dan XVII tidak diperbuat."

## **Peralihan**

9. (1) Akta ibu hendaklah terpakai bagi petroleum—

- (a) yang dikilang tetapi tidak digunakan atau dipergunakan atau dipindahkan di bawah seksyen 28 Akta Eksais 1976 [*Akta 176*]; atau
- (b) yang diimport dan masih digudangkan di bawah seksyen 65 Akta Kastam 1967,

sebaik sebelum tarikh yang ditetapkan.

(2) Akta ibu tidaklah terpakai jika, sebaik sebelum tarikh yang ditetapkan, petroleum telah dikilang dan digunakan atau dipergunakan atau dipindahkan di bawah seksyen 28 Akta Eksais 1976 tetapi duti eksais berhubung dengan petroleum belum dibayar, dan dalam keadaan sedemikian, Akta Eksais 1976 hendaklah terpakai.

(3) Seorang yang dilesenkan di bawah seksyen 20 Akta Eksais 1976 untuk mengilang petroleum di bawah Akta itu hendaklah pada tarikh yang ditetapkan disifatkan telah dilesenkan di bawah subseksyen 13(3) Akta itu, dan bagi maksud ini Ketua Pengarah seperti yang ditakrifkan di bawah Akta itu hendaklah mengeluarkan suatu lesen kepada orang itu pada tarikh yang ditetapkan.

---

HURAIAN

1. Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Jualan 1972 ("Akta 64").
2. *Fasal 1* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.
3. *Fasal 2* mentakrifkan "tarikh yang ditetapkan" bagi maksud Akta yang dicadangkan sebagai bererti 1 Januari 2000.
4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 64 dengan meluaskan takrif "pengilangan" supaya meliputi pengilangan petroleum dan memasukkan takrif baru bagi "petroleum".
5. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda seksyen 16 Akta 64 untuk membenarkan cukai jualan dihitung berdasarkan kuantiti barang yang dijual, digunakan atau dilupuskan, atau diimport, selain dihitung berdasarkan nilai jualan.
6. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda subseksyen 17(1) Akta 64 untuk menghendaki kuantiti barang yang dijual direkodkan dalam invoice yang dikeluarkan.
7. *Fasal 6* dan *7* masing-masing bertujuan untuk meminda subseksyen 69(1) dan 70(1) Akta 64. Pindaan-pindaan itu bertujuan untuk menghendaki penyelesaian dan penerima bagi pengimport barang-barang termasuk petroleum, yang baginya cukai jualan kena dibayar, supaya memberikan notis kepada Ketua Pengarah Kastam dalam tempoh empat belas hari dari pelantikannya, mengasingkan sejumlah wang yang mencukupi daripada apa-apa aset untuk membayar cukai jualan sebelum melupuskan aset-aset itu dan membayar cukai jualan yang kena dibayar itu. Buat masa sekarang, hanya penyelesaian dan penerima bagi pengilang berlesen sahaja yang tertakluk kepada kewajipan-kewajipan ini.
8. *Fasal 8* bertujuan untuk memasukkan Bahagian baru XVIII ke dalam Akta 64 yang khusus memperkatakan petroleum. Bahagian baru XVIII itu memasukkan seksyen baru 91 hingga 95. Seksyen 91 menyatakan bahawa Akta 64 terpakai bagi petroleum tertakluk kepada seksyen 92 hingga 95. Seksyen 92 memberi Menteri kuasa untuk membuat sesuatu perintah yang mengubah, berkenaan dengan petroleum, tempoh cukai jualan menjadi terhutang dan kena dibayar dan

tempoh kena cukai dan juga mengenakan syarat-syarat kepada perubahan-perubahan itu. Seksyen 93 membenarkan mana-mana orang menerima penyerahan daripada kawalan Kastam petroleum kena cukai yang diimport walaupun mana-mana bahagian atau kesemua cukai jualan atas barang-barang itu belum dibayar. Seksyen 94 tidak membenarkan ambilan balik berhubung dengan petroleum. Seksyen 95 memperuntukkan bahawa bagi maksud petroleum peruntukan khas dalam Bahagian XIV dan XVII berhubung dengan Labuan dan Langkawi dalam Akta 64 tidak mempunyai kuat kuasa, dan petroleum di Labuan dan Langkawi akan tertakluk kepada peruntukan lain Akta itu.

9. *Fasal 9* memperkatakan peruntukan peralihan bagi petroleum yang tertakluk kepada duti eksais di bawah Akta Eksais 1976 apabila Akta yang dicadangkan mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2000.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U<sup>2</sup>)1947]